

NO. SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 15 JUN 2015

RUJUKAN : 7960

SOALAN:

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan
untuk mengekang jenayah siber dalam usaha mengesan ancaman
dan kegiatan pengganas serta militan melalui jaringan sosial dan
sejauh manakah Kerajaan bekerjasama dengan Polis Antarabangsa
(INTERPOL) dalam aspek perkongsian maklumat dan pemantauan
media sosial seterusnya menangkis propaganda kumpulan militan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pemantauan yang dibuat oleh pihak polis didapati media sosial sering digunakan sebagai medium oleh pengikut-pengikut kumpulan militan terutamanya kumpulan militan *Islamic State* (IS) dalam penyebaran fahaman dan merekrut ahli-ahli baru untuk menyertai kumpulan mereka. Penggunaan media sosial dilihat menepati keperluan semasa segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda. Ini kerana medium berkenaan mudah diakses secara meluas, murah, sukar dikawal dan mudah untuk menyerapkan ideologi dan perjuangan IS ini kepada golongan berkenaan.

Sehubungan itu, Kerajaan melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan pemantauan bagi mengesan media-media sosial yang sering digunakan untuk menyebarkan fahaman militan ini daripada terus berkembang. Setakat ini terdapat sejumlah 500 akaun *facebook* telah dikesan digunakan oleh kumpulan militan *Islamic State* (IS) ini. Kesemua akaun tersebut dipantau dengan rapi oleh pihak PDRM melalui Bahagian *Cyber Security Unit* dalam PDRM dengan kerjasama dan perkongsian maklumat melalui badan-badan perisikan antarabangsa termasuk INTERPOL.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat sejumlah 100 akaun *facebook* milik individu yang mempunyai kaitan dengan IS telah disekat oleh pihak *facebook* sendiri kerana mempunyai hubungan dengan aktiviti keganasan. Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengenalpasti dan mengambil tindakan terhadap “*blog*” atau “laman web” yang terlibat dengan kegiatan penyebaran fahaman kumpulan militan IS ini termasuklah dengan “menyekat” aksesnya daripada umum sama ada dari dalam atau luar negara.